

Dr M terkilan ditolak sampai jatuh merudum

Langkawi: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terkilan dan sedih selepas ditolak pengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), November lalu.

Bekas Perdana Menteri itu melauhkan rasa kecewa susulan usahanya mempertahankan kerusi Parlimen Langkawi yang dimenangi pada PRU15 gagal, malah hilang wang deposit.

Beliau berkata, komitmennya membangunkan pulau legenda itu menerusi pemberian status bebas cukai pada 1987 sehingga gah di persada dunia seolah-olah tidak dihargai.

"Bukan merajuk, tapi kecewa sedikit (atas kekalahan teruk dalam PRU15) kerana saya sudah buat macam-macam (pembangunan) di Langkawi.

"Saya ditolak jatuh merudum dan hilang 14,000 undi," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Jasamu Dikening di Hotel Goldsands di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, pada majlis itu isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau yang juga bekas Ahli Parlimen Langkawi, berkata be-

liau turut hairan ditolak pada PRU15 lalu kerana yakin tidak melakukan sebarang kesalahan memudaratkan penduduk.

"Saya pun tidak tahu apa kesalahan yang sudah saya buat (sehingga ditolak)," katanya.

Pada PRU15 lalu, negarawan itu tewas teruk kepada calon Perikatan Nasional, Datuk Mohd Suhaimi Abdullah dengan majoriti 13,518 undi.

Dr Mahathir sekadar memperoleh 4,566 undi.

Sementara itu, mengulas isu pembekuan akaun milik Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) oleh Suru-

hanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), beliau berkata, perkara berkenaan tiada kaitan dengan dirinya.

"Dulu saya yang tubuh BERSATU, tapi ketika itu tidak curi duit dari mana-mana, kemudian parti berpecah dua, BERSATU sekarang di bawah (Tan Sri) Muhyiddin Yassin.

"Saya tiada kena-mengena kerana tidak lagi berada dalam BERSATU dan itu masalah mereka, manakala saya kini Pengerusi Gerakan Tanah Air (GTA)," katanya.



Dr Mahathir Mohamad